

TARIKH	18 / 5 / 2015	SEKSYEN	Dalam negeri
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Hentikan fitnah terhadap Tabung Haji

BALING 17 Mei - Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim meminta pihak tidak bertanggungjawab menghentikan fitnah terhadap agensi itu kerana ia hanya merugikan semua pihak.

Katanya, Tabung Haji masih berada di landasan yang betul sama seperti sebelum ini.

"Malah ia semakin menunjukkan aras kemajuan dan keuntungan yang tinggi," katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun UMNO Kali Ke-69 UMNO Bahagian Baling di Dewan Tun Abdul Razak di sini hari ini.

Menurutnya, beliau juga berharap tidak ada pihak yang mengaitkan Tabung Haji dengan politik.

"Walaupun saya orang politik, apabila mengurus Tabung Haji, saya tidak mencampurkan dua perkara ini.

"Tabung Haji adalah satu badan yang telus yang memegang amanahnya dalam pengurusan jemaah haji ke Mekah," katanya.

Abdul Azeez berkata, isu berkenaan Tabung Haji yang dimainkan oleh pihak pembangkang hanya bertujuan menjatuhkan reputasinya bersama agensi itu.

"Saya pasti sedikit masa lagi, semuanya akan kembali pulih dan kebenarannya akan diketahui," katanya.

Sementara itu, pada majlis tersebut, sebanyak 5,000 ahli UMNO hadir untuk meraikan sambutan ulang tahun tersebut dan pelbagai aktiviti dijalankan bersama sayap-sayap parti.

Abdul Azeez berkata, perhimpunan itu bukan sekadar meraikan sambutan Hari Ulang Tahun UMNO, tetapi untuk meraikan dan mengenang perjuangan tokoh-tokoh UMNO terdahulu.



Walaupun saya orang politik, apabila mengurus Tabung Haji, saya tidak mencampurkan dua perkara ini. Tabung Haji adalah satu badan yang telus yang memegang amanahnya dalam pengurusan jemaah haji ke Mekah."

ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM
Pengerusi Tabung Haji